



Ruj Kami : JANM.BPOPA.600-1/4/1 (12)  
Tarikh : 9 November 2020

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **TATACARA PENYEDIAAN PENYESUAIAN BAKI ASET ALIH DAN PEMANTAUAN ASET DALAM PEMBINAAN DI PEJABAT PERAKAUNAN (TERMASUK PEJABAT PERAKAUNAN NEGERI DAN CAWANGAN)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat ANM/POPA/1/325/2-4 (3) bertarikh 3 Mei 2018 – *Pemakluman Fungsi Unit Pengurusan Aset, Seksyen Pemantauan di Pejabat Perakaunan Negeri dan Cawangan (PNC)* dan surat ANM/POPA/1/325/2-4 (2) bertarikh 6 April 2018 – *Ketidakteraturan Penggunaan Sub Menu Modul iGFMS dan Kod Akaun Bagi Pembayaran Interim Projek Aset Dalam Pembinaan* adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, adalah menjadi matlamat pihak kami memberikan pemakluman secara berterusan untuk membantu Pejabat Perakaunan dalam menjayakan pelaksanaan perakaunan aset dan inventori kerajaan persekutuan agar selaras dengan standard dan polisi yang sedang berkuatkuasa.

3. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, aset alih di iGFMS diperakaunkan berdasarkan MPSAS dan polisi perakaunan akrual yang berkuatkuasa, manakala Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) direkodkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan. Pihak kami ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berkenaan fungsi Pejabat Perakaunan berikut dalam memastikan aset alih diperakaunkan dalam iGFMS dengan tepat:

- i. Penyediaan Penyesuaian Baki Aset Alih
  - a. Pusat Tanggungjawab (PTJ Dipertanggung) di bawah Pejabat Perakaunan masing-masing hendaklah mengisi Templat Penyesuaian Baki Aset Alih berpandukan Tatacara Penyesuaian Baki Aset Alih – Muat Turun Laporan Aset iGFMS Dan SPPA seperti dilampirkan;
  - b. Menyedia dan mengemukakan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih seperti di Lampiran 1 dalam Templat Penyesuaian Baki Aset Alih kepada Pejabat Perakaunan ;
  - c. Pejabat Perakaunan memastikan ketepatan atau mengenalpasti perbezaan supaya pelarasan sewajarnya dapat dilakukan sekiranya perlu;

- ii. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, pemantauan aset dalam pembinaan (AUC) oleh Pejabat Perakaunan juga perlu diteruskan:
  - a. Pejabat Perakaunan hendaklah memantau perakaunan berkaitan AUC selaras dengan Tatacara Tindakan Pengemaskinian Perakaunan Aset Dan Liabiliti Selepas Data Baki Awal Aset Tersedia Di iGFMAS. Dokumen tersebut boleh dicapai di <https://www2.anm.gov.my>;
  - b. Menyediakan Lampiran D – Penyelenggaraan Daftar AUC dan semak silang dengan transaksi di SAPGUI yang dilampirkan bersama surat ini.

4. Ketua Akauntan Kementerian dan Pengarah Negeri/Cawangan perlu mengemukakan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih dan Penyelenggaraan Daftar AUC seperti pada 31 Oktober 2020 bagi PTJ di bawah seliaan masing-masing **selewat-lewatnya pada 30 November 2020** ke alamat berikut :

Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi  
Seksyen Pengurusan Perakaunan Amanah  
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62594 Putrajaya

5. Segala usaha dan kerjasama daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Sebarang persoalan boleh diemelkan ke [upaip.bpopa@anm.gov.my](mailto:upaip.bpopa@anm.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*‘Inovasi & Integriti Pemangkin Merealisisi Perakaunan Akruan’*

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZEMAN MISKAH c.A.(M) )**

Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi  
b.p Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

s.k : Pengarah,  
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan  
Unit Pengurusan Perubahan

Pengarah,  
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan  
Seksyen Operasi